



## NOTIS LELONGAN AWAM

**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**  
**NOTIS JUALAN LELONG**  
23.12.2024 / BIL. 2/2024

Dengan ini dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Port Dickson akan mengadakan **JUALAN LELONGAN** bagi haiwan sitaan penguatkuasaan di bawah kesalahan undang-undang Majlis Perbandaran Port Dickson yang tidak dituntut, pada **31 Disember 2024 (Selasa), 10:00 pagi** bertempat di **Stor Kenderaan MPPD, Batu 1, Jalan Seremban, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus**

Butiran lelongan :

Jenis Haiwan	: Lembu
Jantina	: Betina
Bilangan	: 1 ekor
Harga Rizab	: RM2200.00

**Gandaan bidaan adalah RM100.00**

Haiwan yang akan dilelong boleh dilihat secara langsung pada **31 Disember 2024 (Selasa)** dari jam **9:00 pagi** hingga **10:00 pagi** di Stor Kenderaan MPPD, Batu 1, Jalan Seremban, 71000 Port Dickson. Setiap pembidaan/tawaran pembelian adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson, seperti lampiran.

Acara lelongan ini **terhad kepada 50 orang pembida berdaftar sahaja. Pendaftaran boleh dibuat pada 31 Disember 2024 jam 9:00 pagi.** Haiwan sitaan yang akan dilelong adalah seperti yang dinyatakan dalam notis ini. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Port Dickson.

**“Bersih. Muafakat. Sejahtera”**

**Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Port Dickson



## SYARAT-SYARAT LELONGAN AWAM

### MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.
2. **HANYA PEMBIDA BERDAFTAR SAHAJA** dibenarkan memasuki kawasan acara lelongan diadakan.
3. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.
4. Pembida/Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara **TUNAI/KAD KREDIT/KAD DEBIT** sepenuhnya pada hari lelongan.
5. Barang-barang yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.
6. Urusan pengangkutan barang lelongan adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.
7. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli perlu dijelaskan bayaran dan hendaklah dituntut pada atau sebelum jam 2.00 petang, 31 Dis 2024 (Selasa).
8. Kegagalan menuntut/mengambil barang-barang dalam tempoh yang ditetapkan akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.
9. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** rugi di atas kematian dan/atau kehilangan haiwan sebelum/semasa/selepas lelongan dan selepas tamat tempoh tuntutan barang-barang yang telah dilelong.
10. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan haiwan yang dilelong.
11. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi haiwan yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
12. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko penyakit berjangkit daripada haiwan yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
13. Barang-barang yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.
14. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD**.



## HAIWAN YANG DILELONG



Jenis Haiwan : Lembu  
Jantina : Betina  
Bilangan : 1 ekor  
Harga Rizab : RM2200.00  
Gandaan bidaan adalah RM100.00